

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 OKTOBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11

KVSAS medan akhir JuniorSkills Malaysia

KVSAS medan akhir JuniorSkills Malaysia

KOLEJ Vokasional Sultan Abdul Samad (KVSAS), Telok Datok, Banting, Selangor berbangga menjadi tuan rumah pertandingan peringkat akhir JuniorSkills Malaysia (JSM) yang berlangsung bermula 26 hingga 27 Oktober lalu.

Pengajuran JSM di KVSAS melibatkan tiga kategori iaitu memasak (*cooking*), pastri (*patisserie*) dan pemasangan elektrikal (*electrical installations*).

Pengarah KVSAS, Noraini Ishak berkata, JSM memberi pendedahan awal kepada para remaja tentang kemahiran tinggi dalam Sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara.

Beliau menjelaskan ia dapat menjadi platform memilih dan mengiktiraf remaja, belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

"Selain itu, pertandingan

melibatkan para pelajar berumur 16 tahun ke bawah ini dari seluruh negara dapat memperkasa TVET.

"Bahkan, terdapat peserta semuda 11 tahun menyertai pertandingan ini sekali gus ia memberi impak positif serta dapat melihat bakat-bakat muda dilahirkan dalam bidang TVET," katanya ketika ditemui pada Hari Terbuka KVSAS di Kuala Langat, Banting, baru-baru ini.

Pertandingan peringkat akhir JSM itu menyaksikan 29 pelajar memamerkan kemahiran dalam bidang memasak (11), pastri (8) dan pemasangan elektrikal (10).

Noraini menjelaskan, JSM juga dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran tenaga manusia di Malaysia bertaraf dunia.

Katanya lagi, ia mampu memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang



Pengarah KVSAS, Noraini Ishak (dua dari kiri) sedang memantau peserta JSM bersama para hakim.

kemahiran kepada pembangunan negara.

Dalam pada itu, beliau menambah, pihaknya memiliki Hari Terbuka KVSAS selaras dengan peringkat akhir JSM supaya dapat memberi pendedahan kepada para

pelajar bahawa bidang TVET sangat luas malah dengan pengalaman dan minat boleh menyertai pertandingan sehingga peringkat antarabangsa.

Beliau berharap pertandingan berkenaan dapat diadakan setiap tahun dan dikembangkan kepada lebih banyak bidang

untuk mencungkil bakat-bakat muda negara.

Pertandingan peringkat akhir JSM, Worldskills Malaysia Belia (WSMB) dan Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP) merupakan anjuran Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berlangsung dari awal tahun sehingga akhir Oktober ini di beberapa lokasi terpilih.

Pengajuran pertandingan JSM melibatkan 10 bidang kemahiran seperti teknologi reka bentuk, pemasangan elektrik, memasak, robotik mudah alih, penyelesaian perisian IT untuk perniagaan, elektronik, pastri, teknologi drone, kejuruteraan mekanikal CAD dan teknologi web.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah bagi pertandingan JSM, WSMB dan WSMP akan diadakan pada 3 November ini dalam Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM).